

17) RUMAH KOS RENDAH DI BANDAR SAUJANA UTAMA

Adun : Y.B. Dato' Dr. Halim Bin Tamuri (Paya Jaras)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Bilakah perancangan pembinaan projek rumah kos rendah akan dilaksanakan oleh pemaju?**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan penyediaan perumahan mampu milik dan rumah kos rendah dapat dilaksanakan secara terancang dan bertanggungjawab di seluruh Selangor, termasuk di kawasan Bandar Saujana Utama.

Pembangunan Bandar Saujana Utama telah bermula sejak tahun 1995 oleh Glomac Berhad. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum terdapat satu lot tanah di kawasan Saujana Utama 3 (SU3) yang diperuntukkan untuk pembangunan Rumah Kos Rendah (RKR) dan Rumah Mampu Milik (RMM) yang masih belum dibangunkan oleh pemaju Regency Land Sdn. Bhd, iaitu anak syarikat Glomac Berhad. Sehingga kini, pemaju masih gagal melaksanakan pembangunan tersebut seperti yang telah dirancang.

- b) Berapa banyak unit rumah yang bakal dibina bagi projek ini?**

Berdasarkan kelulusan terkini melalui Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku Bil. 1 Tahun 2019 bertarikh 22 Mac 2019, pemaju telah disyaratkan untuk membangunkan sebanyak 200 unit Rumah Kos Rendah (RKR) dan 198 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di atas tanah berkenaan.

- c) Bilakah projek ini dijangka akan dimulakan dan disiapkan?**

Walau bagaimanapun, setakat ini pihak pemaju masih dalam peringkat perancangan semula pembangunan tersebut dan tiada tarikh muktamad pelaksanaan yang dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HALIM BIN TAMURI
(PAYA JARAS)**

TAJUK : RUMAH KOS RENDAH DI BANDAR SAUJANA UTAMA

Kerajaan Negeri memandang serius isu ini dan telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pemaju untuk mendapatkan penjelasan serta memastikan projek ini dapat direalisasikan demi memenuhi keperluan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah di kawasan Paya Jaras.

Kerajaan Negeri juga akan terus memantau rapat perkembangan projek ini dari semasa ke semasa dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pemaju yang gagal melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dalam menyediakan perumahan mampu milik seperti yang telah ditetapkan.

